

08 JUN 2001

Mahathir-Koizumi

JEPUN SOKONG BANGUNKAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI MALAYSIA

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan Jepun bersedia membantu Malaysia dalam penyelidikan kepelbagaian biologinya untuk tujuan perubatan.

Beliau berkata penyelidikan itu boleh dibuat terhadap struktur dan koding sumber-sumber asli Malaysia.

"Bagaimanapun, kajian itu hendaklah dibuat di Malaysia dan sumber-sumber asli itu tidak boleh dibawa keluar," katanya pada persidangan akhbar di Hotel Imperial di sini setelah mengunjungi Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi di pejabatnya (Koizumi), di sini.

Dr Mahathir adalah dalam rangka lawatan empat hari ke Jepun bermula semalam.

Dr Mahathir berkata pusat penyelidikan itu hendaklah didirikan di Malaysia dan beliau telah meminta bantuan Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, di sini, untuk menjalankan penyelidikan itu.

Beliau berkata Malaysia juga berharap syarikat-syarikat Jepun boleh turut membantu dalam membuat penyelidikan-penyelidikan itu.

Menurutnya Koizumi bersetuju agar Jepun terus memberikan pinjaman kepada Malaysia dalam membangunkan kemudahan infrastrukturnya.

Ini merupakan pertemuan pertama Dr Mahathir dengan Koizumi setelah beliau (Koizumi) menjadi Perdana Menteri, April lepas.

Jepun juga, kata Dr Mahathir, bersetuju untuk meneruskan pelaburannya di Malaysia.

Menjawab soalan lain, beliau berkata Malaysia mempunyai masalah dengan kad pintarnya dan beliau tertarik dengan kad pintar yang dihasilkan oleh NTT (Nippon Telegraph and Telephone Corporation) kerana ia mempunyai cip yang boleh menyimpan banyak data serta melindungi data sulit.

Kad pintar Malaysia yang dinamakan Kad Pintar Pelbagaiguna Kerajaan (KPPK) dilancarkan peringkat awal April lepas, menggabungkan empat aplikasi -- kad pengenalan, lesen memandu, maklumat pasport dan e-tunai serta dua aplikasi pilihan iaitu rekod kesihatan dan infrastruktur awam utama.

Buat masa ini kad pintar itu hanya boleh diperolehi dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Lembah Klang. MSC ialah kawasan seluas 750km persegi di selatan Kuala Lumpur yang dikhaskan menjadi pusat pembangunan multimedia.

Dr Mahathir berkata NTT merupakan syarikat berstatus MSC yang pertama mendirikan pusat penyelidikan dan pembangunannya di Cyberjaya.

Pusat itu kini dalam proses pembesaran dan dijangka siap dua tiga bulan lagi.

Beliau berkata syarikat-syarikat Jepun juga berminat untuk terus melabur di MSC.

-- BERNAMA

JM RON